

PENDIDIKAN PERWATAKAN DAN KEWARGANEGARAAN SUKATAN PELAJARAN Sekolah Rendah

Implementation starting from
2014



Ministry of Education
SINGAPORE

© 2012 Student Development Curriculum Division.

This publication is not for sale. Permission is granted to reproduce this publication in its entirety for personal or non-commercial education use only. All other rights reserved.

"Our education system must... nurture Singapore citizens of good character, so that everyone has the moral resolve to withstand an uncertain future, and a strong sense of responsibility to contribute to the success of Singapore and the well-being of fellow Singaporeans."


Mr Heng Swee Keat, Minister for Education

Memahami Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) merupakan nadi sistem pembelajaran di Singapura. Melalui CCE, murid-murid belajar menjadi lebih bertanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat, dan memahami peranan mereka dalam membentuk masa hadapan negara. Dalam menghasilkan kurikulum CCE, trend-trend terkini dan pembangunan global yang mempunyai impak kepada masyarakat seperti perubahan struktur masyarakat, globalisasi dan kemajuan teknologi, diambil kira.

Matlamat CCE adalah untuk memupuk nilai dan meningkatkan kemahiran murid-murid untuk menjadi insan yang baik dan rakyat yang berguna. Sejak tahun 1959, pelbagai program utama telah diperkenalkan untuk memupuk nilai-nilai murni, tabiat, kecekapan dan kemahiran dalam diri murid-murid. Program yang dimaksudkan ialah Sivik dan Pendidikan Moral (CME, 1992) Pendidikan Nasional (NE, 1997) dan Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL, 2005) dan pembelajaran melalui pengalaman seperti Aktiviti Ko-Kurikulum (CCA).

Rajah 1: Rangka Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pelajar




Kurikulum CCE ini mengubah fokus kita bukan hanya kepada program-program tetapi kepada suatu tujuan yang sama. Hasil pembelajaran CCE diselaraskan dengan Hasil Peringkat Utama (*Key Stage Outcomes*) dan Hasil Pembelajaran Yang Diingini (DOE).

CCE terletak di tengah-tengah Rangka Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pelajar (Rajah 1). Ia menekankan hubung kait antara nilai-nilai utama, kecekapan sosial dan emosi serta literasi sivik, kesedaran global dan kemahiran silang budaya yang kritikal dalam pembentukan pendidikan perwatakan dan kewarganegaraan murid-murid.

Nilai-Nilai Teras

Nilai-nilai Teras (Hormat-menghormati, Bertanggungjawab, Daya Bingkas, Integriti, Sifat Penyayang dan Harmoni) merupakan asas bagi seseorang untuk menjadi seorang insan yang baik dan rakyat yang berguna. Nilai-nilai ini membimbing murid-murid dalam membezakan antara yang betul dengan yang salah, membantu mereka membuat pilihan yang bertanggungjawab dan lebih sedar akan peranan mereka dalam masyarakat. Nilai-nilai teras ini (Rajah 2) diperoleh daripada Nilai Bersama, Nilai Keluarga Singapura, Visi Singapura 21 dan Mesej Pendidikan Nasional (rujuk Lampiran A).




Rajah 2: Nilai–Nilai Teras



Kecekapan Sosial dan Emosi

Pembelajaran sosial dan emosi (SEL) ialah pemerolehan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mengenali dan menguruskan emosi, membina kasih sayang dan keprihatinan terhadap orang lain, membuat keputusan secara bertanggungjawab, menjalin hubungan yang positif dan menangani situasi yang mencabar dengan berkesan. Kecekapan sosial dan emosi (Rajah 3) boleh dikategorikan kepada lima domain yang berhubung kait: kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial, pengurusan perhubungan dan membuat keputusan secara bertanggungjawab. Domain kesedaran diri dan pengurusan diri berkait dengan pemahaman tentang diri sendiri, dan ini membantu dalam pengurusan emosi. Domain kesedaran sosial dan pengurusan perhubungan pula berkait dengan pergaulan sosial seseorang. Dalam membuat keputusan secara bertanggungjawab, pilihan yang bermoral dan beretika perlu dibuat dengan cara seseorang menguruskan dirinya sendiri, berhubungan dengan orang lain dan menangani situasi yang mencabar.




Rajah 3: Kecekapan Sosial dan Emosi



Kemahiran yang Berkaitan dengan Kecekapan Kewarganegaraan

Kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan kewarganegaraan dijelaskan dalam komponen-komponen bagi domain literasi sivik, kesedaran global dan kemahiran silang budaya dalam Rangka Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pelajar. Ini membolehkan murid-murid berfungsi secara berkesan sebagai rakyat yang prihatin dan taat setia kepada Singapura (Rajah 4). Ini sejajar dengan matlamat Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan untuk membentuk murid-murid supaya menjadi rakyat yang berperwatakan baik.



Rajah 4: Komponen-komponen bagi Domain Literasi Sivik, Kesedaran Global dan Kemahiran Silang Budaya



Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (Rajah 5) menyatakan perkara-perkara yang perlu dipelajari dan dicapai oleh murid-murid. Nilai-nilai teras Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan terpancang dalam lapan Hasil Pembelajaran. Hasil Pembelajaran 1 hingga 4 memaparkan aspek-aspek pembentukan perwatakan yang saling berkait, dan kecekapan sosial dan emosi. Hasil Pembelajaran 5 hingga 8 pula berpandukan prinsip-prinsip utama kewarganegaraan Abad ke-21 dan disusun mengikut ciri-ciri kerakyatan seperti identiti, budaya, dan penglibatan yang aktif dan bertanggungjawab sebagai ahli masyarakat.

Rajah 5: Hasil Pembelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

LO1

Memperoleh kesedaran diri dan menggunakan kemahiran pengurusan diri untuk mencapai kesejahteraan dan keberkesanan peribadi

LO2

Bertindak dengan integriti dan membuat keputusan secara bertanggungjawab, yang teguh pada prinsip-prinsip moral

LO3

Memperoleh kesedaran sosial dan menggunakan kemahiran perhubungan untuk menjalin dan mengekalkan hubungan positif berdasarkan rasa saling hormat-menghormati

LO4

Berdaya bingkas dan dapat menjadikan setiap cabaran sebagai peluang

LO5

Berbangga dengan identiti nasional, mempunyai rasa kepunyaan di Singapura dan komited kepada pembangunan negara

LO6

Menghargai kepelbagaian sosio-budaya di Singapura, dan menggalakkan perpaduan sosial dan harmoni

LO7

Mengambil berat tentang orang lain dan menyumbang secara aktif kepada kemajuan masyarakat dan negara

LO8

Membuat renungan dan memberikan respons kepada isu-isu masyarakat, negara dan global, sebagai rakyat yang berpengetahuan dan bertanggungjawab

Komponen-komponen Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

Komponen-komponen Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan terdiri daripada pelajaran-pelajaran Rakyat Budiman, Modul *Form Teacher Guidance Period* (FTGP), pelajaran dan program CCE berasaskan sekolah dan Modul Bimbingan CCE (*CCE Guidance Module*).

Sukatan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan menyediakan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang perlu diajar secara eksplisit dalam pelajaran Rakyat Budiman, FTGP dan juga pelajaran serta program CCE berasaskan sekolah. Sukatan Pelajaran yang berasingan untuk Pendidikan Keseksualan (*Sexuality Education – SEd*) juga disediakan untuk murid-murid Darjah 5 dan 6 bagi memenuhi keperluan perkembangan mereka.

Komponen-komponen CCE	Apa yang dimaksudkan
Pelajaran-pelajaran Rakyat Budiman	Pengajaran tentang nilai, pengetahuan dan kemahiran untuk CCE dalam bahasa Ibunda
Modul <i>Form Teachers Guidance Period</i> (FTGP)	Pengajaran kecekapan sosial dan emosi (termasuk <i>Cyber Wellness dan Career Guidance</i>) dan mempererat hubungan antara guru dan pelajar
Pelajaran dan Program CCE Berasaskan Sekolah	Termasuk • Program perhimpunan sekolah yang berkaitan dengan CCE • Pelajaran tentang nilai-nilai sekolah
Modul Bimbingan CCE	• Pendidikan Keseksualan (SEd)

Masa Kurikulum

Bagi peringkat Darjah Rendah Bawah, masa kurikulum untuk Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dalam seminggu ialah satu jam untuk pelajaran Rakyat Budiman, satu jam untuk FTGP dan setengah jam lagi untuk perhimpunan sekolah. Untuk Darjah Rendah Atas, masa yang sama diberikan kepada FTGP dan perhimpunan sekolah dan satu setengah jam untuk pelajaran Rakyat Budiman. Jumlah masa kurikulum untuk Darjah Rendah ialah 60 jam sementara untuk Darjah Atas ialah 75 jam. Sukatan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan diajarkan dalam pelajaran-pelajaran Rakyat Budiman, FTGP dan pelajaran serta program sekolah. Struktur masa kurikulum dijelaskan dalam Rajah 6 hingga Rajah 8.

Pelajaran Rakyat Budiman:

Pelajaran bagi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan di peringkat sekolah rendah diajarkan dalam Bahasa Ibunda. Bagi murid-murid India yang mengambil bahasa-bahasa bukan Tamil (*Non-Tamil Indian Languages – NTIL*) sebagai Bahasa Ibunda contohnya Bengali, Punjabi dan Urdu, dan juga murid-murid yang dikecualikan daripada mengambil Bahasa Ibunda, Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan diajarkan kepada mereka dalam bahasa Inggeris. Bahan-bahan pengajaran dalam bahasa Inggeris juga disediakan untuk mereka.

Modul *Form Teacher Guidance Period* (FTGP):

Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL) diajarkan secara eksplisit dalam pelajaran FTGP. Selain itu, guru darjah mempererat hubungan dengan murid-murid melalui aktiviti interaksi dalam masa pelajaran tersebut. Pelajaran Kesejahteraan Siber (*Cyber Wellness*), Bimbingan Pendidikan dan Kerjaya (*Education and Career Guidance*) dan perlindungan daripada penderaan (Darjah 1 hingga Darjah 4) telah digabungkan dalam pelajaran FTGP bagi menangani isu-isu khusus, memperkukuh nilai-nilai utama Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan, dan kecekapan sosial dan emosi demi membolehkan murid-murid mengaplikasikannya dalam situasi tertentu.

Pelajaran dan Program Sekolah:

Sekolah-sekolah diberi ruang dan fleksibiliti untuk menyesuaikan dan menyampaikan pelajaran dan program sekolah dalam jangka masa 11 hingga 15 jam setiap tahun. Pelajaran dan program CCE berasaskan sekolah boleh merangkumi aktiviti-aktiviti yang memberikan fokus kepada nilai-nilai sekolah seperti program perhimpunan sekolah dan pelajaran-pelajaran mengenai nilai-nilai sekolah.

Modul Bimbingan CCE (Guidance Module):

Modul Bimbingan yang wajib iaitu Pendidikan Keseksualan (disampaikan melalui siri '*The Growing Years*'), mempunyai objektif dan kandungan yang khusus bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan pertumbuhan kanak-kanak dan remaja. Pihak sekolah dikehendaki menyediakan 4 jam setahun bagi Darjah 5 dan 6 untuk mengajarkan Pendidikan Keseksualan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.

Rajah 6: Masa Kurikulum untuk Darjah Rendah

Primari (P1-P3)	30 jam pelajaran Rakyat Budiman	15 jam FTGP	15 jam pelajaran dan program CCE berasaskan sekolah	Jumlah : 60 jam setahun
--------------------	------------------------------------	----------------	---	-------------------------------

Rajah 7: Masa Kurikulum untuk Darjah 4

Primari (P4)	45 jam pelajaran Rakyat Budiman	15 jam FTGP	15 jam pelajaran CCE berasaskan sekolah	Jumlah : 75 jam setahun
-----------------	------------------------------------	----------------	---	-------------------------------

Rajah 8: Masa Kurikulum untuk Darjah Rendah Atas (P5-6)

Primari (P5-P6)	45 jam pelajaran Rakyat Budiman	15 jam FTGP	4 jam SEd	11 jam pelajaran CCE berasaskan sekolah	Jumlah : 75 jam setahun
--------------------	------------------------------------	----------------	--------------	---	-------------------------------

Prinsip-prinsip yang dijadikan Panduan dalam Pembentukan Sukatan Pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

1. Pendidikan berpusatkan pelajar, berteraskan nilai

Dalam membentuk sukatan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan, kesesuaian umur merupakan pertimbangan yang sangat kritikal. Sukatan pelajaran ini mengambil kira pelbagai teori pembangunan kanak-kanak (Lampiran B) yang memberi pemahaman tentang bagaimana murid-murid berfikir, membesar dan belajar pada peringkat umur tertentu. Guru-guru akan memberikan peluang kepada murid-murid untuk

- Membina pemahaman daripada pengalaman harian yang dilalui dengan orang lain; dan
- Melibatkan diri dalam pembelajaran pengalaman dan interaksi dengan rakan-rakan yang berlainan kebolehan.

2. Tumpuan yang seimbang antara pendidikan perwatakan dan kewarganegaraan

Perwatakan yang baik perlu dalam pembangunan rakyat yang baik. Untuk membentuk rakyat yang baik, guru menggalakkan para pelajar:

- membuat keputusan secara bertanggungjawab dan mendukung prinsip-prinsip moral yang baik;
- memaparkan keberanian moral demi mempertahankan kebenaran;
- mempunyai kekuatan emosi dan mempamerkan sikap optimis, pandai menyesuaikan diri dan pintar bekerja dengan keterbatasan negara dan pada masa yang sama yakin bahawa terdapat peluang untuk mereka berusaha gigih dan berjaya;
- menunjukkan keprihatinan kepada orang lain dan tidak hanya mementingkan hasrat sendiri sebaliknya melihat kepentingan orang-orang lain dalam keluarga, di sekolah, dalam masyarakat, negara dan dunia; dan
- menyumbangkan masa dan usaha untuk berkhidmat kepada masyarakat.

3. Domain yang berkembang daripada diri sendiri kepada dunia

Pembangunan kanak-kanak dan remaja berlaku dalam konteks ekosistem hubungan (Bronfenbrenner, 1979). Guru-guru perlu menggalakkan murid-murid supaya mengamalkan nilai-nilai murni dalam konteks kehidupan sebenar dengan keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Kajian telah menunjukkan bahawa murid-murid berpegang teguh kepada peranan sosial mereka apabila berinteraksi dengan dunia sekeliling dan menimbangkan akibat daripada tindak-tanduk mereka terhadap diri sendiri dan juga orang lain.

4. Pengalaman hidup sebagai konteks

Guru-guru menggunakan pengalaman hidup pelajar sebagai konteks bagi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan supaya murid-murid dapat mengekalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni yang diajarkan kepada mereka. Murid-murid akan belajar dengan lebih berkesan lagi apabila mereka memproses maklumat atau pengetahuan baharu dalam konteks yang tidak asing bagi mereka. Adalah penting bagi murid-murid mengetahui bagaimana nilai-nilai murni, kecekapan sosial dan emosi dapat diamalkan. Dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan, pengalaman hidup yang bertambah rumit bermula pada peringkat darjah rendah bawah hingga ke darjah rendah atas telah membina lingkaran yang berkembang bagi pembelajaran pengetahuan, kecekapan, nilai-nilai murni dan sikap.

Prinsip-prinsip yang dijadikan Panduan dalam Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran

1. Setiap guru merupakan guru Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

Guru merupakan insan yang paling sesuai untuk memupuk dan mempertahankan nilai-nilai teras. Guru berperanan sebagai tokoh contoh yang mewujudkan peluang pembelajaran demi membentuk dan memupuk nilai-nilai utama dalam diri murid. Guru akan membina harga diri dan keyakinan, daya bingkas, rasa prihatin dan belas kasihan terhadap orang lain, dalam diri setiap murid. Guru juga memantau kemajuan profesional mereka sendiri dan melengkapkan diri dengan kepakaran serta kecekapan demi membentuk setiap murid supaya menjadi rakyat yang aktif dan berperwatakan baik.

2. Nilai diajar dan ditanggap

Sesuatu nilai itu diajar apabila ia diterangkan secara eksplisit melalui pengetahuan dan kemahiran yang terkandung dalam Hasil Pembelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan. Sesuatu nilai itu pula ditanggap atau dipelajari secara tidak langsung oleh murid-murid apabila mereka melihat nilai berkenaan diamalkan dalam pengalaman yang berbeza-beza, bermula daripada tokoh-tokoh contoh, orang-orang dewasa yang penting dalam hidup mereka dan kemudian diamalkan dalam hidup mereka sendiri. Kualiti hubungan antara guru dan murid serta persekitaran yang penyayang adalah penting dalam pembentukan perwatakan murid.

3. Melibatkan murid dalam penyampaian pelajaran yang berbeza

Murid-murid mempelajari nilai melalui pengajaran, latihan kemahiran, tokoh contoh daripada guru, rakan-rakan dan pengukuhan yang positif semasa pelajaran dan *teachable moments*. Guru akan menyediakan pengalaman pembelajaran seperti dalam hari memperingati Pertahanan Mutlak, Hari Persahabatan Antarabangsa, Hari Keharmonian Kaum dan Hari Kebangsaan, Nilai Dalam Tindakan (VIA) dan aktiviti ko-kurikular untuk pembelajaran dan pengaplikasian pengetahuan, kemahiran, nilai dan juga sikap.

4. Ibu bapa sebagai rakan kongsi utama

Ibu bapa merupakan pengemudi utama dalam pembangunan anak-anak mereka. Murid-murid mendapat faedah paling banyak apabila persekitaran di rumah sejajar dengan persekitaran di sekolah. Beberapa kajian telah mengaitkan hubungan antara kolaborasi daripada ibu bapa dan pihak sekolah, dengan pembelajaran yang baik, harga diri yang tinggi, sikap yang positif dan tingkah-laku yang baik. Dengan itu, pihak sekolah akan melibatkan ibu bapa dan bekerja sama dengan mereka untuk menyediakan bantuan keluarga yang diperlukan, dan sokongan serta pengukuhan di rumah. Komunikasi yang berkesan tentang program Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan di sekolah dan penyediaan wadah untuk melibatkan ibu bapa secara aktif di sekolah dapat menjamin kolaborasi yang berkekalan.

Tiga Idea Pokok dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

Tiga idea pokok iaitu Identiti, Hubungan dan Pilihan merupakan konsep utama dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan bagi membolehkan para pelajar membentuk pemahaman utama.

Identiti: Mempunyai identiti atau jati diri melibatkan adanya pegangan terhadap prinsip-prinsip dan nilai-nilai murni. Identiti yang terbentuk dengan baik menimbulkan kekuatan, kelemahan dan keunikan individu (Marcia, 1966)¹. Pembentukan pemahaman tentang diri sendiri sangat bernilai pada peringkat pertengahan dan lewat dalam proses pembentukan kanak-kanak, terutama sekali dari peringkat umur 8 hingga 11 tahun. Kanak-kanak memerlukan kecekapan dan ketekunan sebelum membentuk identiti pada peringkat usia remaja (Erikson, 1950², 1968³). Kecekapan dan ketekunan membolehkan murid-murid memperoleh pengetahuan tentang diri sendiri, bertanggungjawab atas tindak-tanduk mereka dan mempunyai hubungan baik dengan orang lain (Young, 1991)⁴. Kajian yang meneliti hubungan kait antara nilai, pilihan dan tingkah laku menunjukkan bahawa nilai-nilai murni membentuk sebahagian daripada keazamanan diri yang menyumbang kepada pembentukan identiti seseorang (Holland, 2002)⁵.

Hubungan: Hubungan menarik minat kanak-kanak untuk membantu mereka mengenali diri mereka sendiri, potensi mereka, dan bagaimana serta mengapa mereka penting bagi orang lain⁶. Ahli-ahli konstruktivis sosial menekankan bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak bermula daripada perinteraksian dengan orang lain (Vygotsky, 1962, Bandura, 1977)⁷. Peranan konteks sosial merupakan faktor penting dalam pembentukan kanak-kanak (Bronfenbrenner, 1986)⁸. Kanak-kanak melalui kehidupan dunia sebagai sebuah persekitaran yang terdiri daripada hubungan, dan hubungan-hubungan berkenaan memberikan kesan kepada semua aspek perkembangan dalam diri mereka: kognitif, sosial, emosi, fizikal, dan moral. Dalam peringkat pertengahan dan lewat proses pembentukan kanak-kanak, kanak-kanak menunjukkan peningkatan dalam kebolehan mengambil perspektif (Selman, 1980)⁹. Digandingkan dengan rasa empati¹⁰, mengambil perspektif menjadi asas dalam berhubungan dengan orang lain.

Pilihan: Nilai-nilai murni membimbing seseorang itu dalam membuat pilihan dan menunjukkan perwatakan dan nilai-nilai murni yang menjadi pegangannya. Pilihan mempengaruhi tindak-tanduk seseorang berdasarkan nilai-nilai murni (Wilis, 1998)¹¹. Murid-murid memerlukan nilai-nilai murni untuk membuat pilihan dan memahami mengapa sesuatu pilihan itu dianggap betul ataupun salah (Berkowitz, 2005)¹². Membuat pilihan adalah penting untuk membantu murid-murid bertindak berdasarkan sesuatu nilai dan melakukan perkara yang dirasakan benar walaupun dalam keadaan tertekan dan tercabar (Lickona, 1991)¹³. Oleh yang demikian, pilihan merupakan platform yang membolehkan murid-murid mengaplikasi dan menjelaskan nilai-nilai yang menjadi pegangan mereka.

¹ Marcia, J. E., (1966), Development and validation of ego identity status, *Journal of Personality and Social Psychology* 3, pp. 551-558.

² Erikson, E.H. (1950). *Childhood and society*. New York: W. W. Norton.

³ Erikson, E.H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: W. W. Norton.

⁴ Elliot, S.N, Kratochwill, T.R, Littlefield Cook, J., Travers, J.F (2000) *Educational Psychology* (3rd Ed) pp 102, McGraw Hill, USA.

⁵ Holland, R.W (2002), Motivated Decision Making; Effects of Activation and Self-Centrality of Values on Choices and Behaviour, *Journal of Personality and Social Psychology* Vol 82, No. 3, pp. 434-447.

⁶ National Scientific Council on the Developing Child(2004). Young children develop in an environment of relationships. Working Paper No. 1, Harvard University. Retrieved from <http://www.developingchild.net>

⁷ J. Santrock, V. Woloshyn, T. Gallagher, T. Petta, Z. Marini (2010), *Educational Psychology* (3rd Canadian Edition), McGraw-Hill Higher Education pp53.

⁸ Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

⁹ Selman, R. (1980). *The growth of interpersonal understanding*. New York: Academic Press.

¹⁰ Preston, S.D., & de Waal, F.B.M. (2002). Empathy: Its ultimate and proximate bases. *Behavioral and Brain Sciences*, 25, 1-72.

¹¹ Wilis, C.(1998). Cooperative Extension, *Decision Making The Foundation for Responsible Behaviour* 7/98.

¹² Berkowitz, M. (2005), What works in character education: A research-driven guide for educators. Retrieved July 18, 2012, from Character education partnership database.

¹³ Lickona, T. (1991), *Educating For Character* , New York: Bantam.

Pemahaman Utama dan Soalan-soalan Kunci

Pemahaman utama dan soalan-soalan kunci yang menyeluruh dibentuk bagi mengupas setiap idea pokok. Soalan-soalan kunci yang menyeluruh dikenal pasti bagi membimbing dan merangsang perbincangan dalam bilik darjah. Bagi setiap domain, soalan-soalan kunci selanjutnya dikenal pasti berdasarkan soalan-soalan kunci menyeluruh, untuk membimbing murid-murid supaya berfikir tentang tabiat, nilai, sikap, kecekapan dan kemahiran yang dimiliki bagi menangani pengalaman hidup yang pelbagai.

	Idea Pokok 1: Identiti	Idea Pokok 2: Hubungan	Idea Pokok 3: Pilihan
Sinopsis	<i>Identiti, Hubungan dan Pilihan</i> saling berhubungkait dan memberi kesan ke atas satu sama lain. • Murid-murid perlu mengenali diri sendiri untuk berhubung secara positif dengan orang lain. • Hubungan yang dijalin mencorak identiti dan mempengaruhi pilihan yang dibuat. • Keupayaan membuat pilihan yang baik memberi kesan ke atas pemahaman tentang identiti diri dan hubungan yang dijalin. Idea-idea pokok perlu berpaksi pada nilai-nilai murni untuk membentuk struktur yang menyokong murid-murid dalam mengharungi kehidupan sebagai insan yang berperwatakan mulia dan rakyat yang berbakti dalam dunia yang menyejagat.		
Pemahaman Utama (Perkara-perkara yang perlu diketahui oleh murid-murid)	Murid dapat memahami bahawa: • Identiti itu sesuatu yang kompleks. • Identiti mencorak persepsi dan hubungan.	Murid dapat memahami bahawa: • Hubungan penting dalam kehidupan. • Hubungan berubah mengikut masa.	Murid dapat memahami bahawa: • Pilihan yang dibuat mencorak perwatakan seseorang. • Pilihan yang dibuat memberikan kesan kepada diri sendiri dan juga orang lain.
Soalan-soalan Kunci Menyeluruh (Soalan-soalan yang membimbing murid-murid untuk membentuk pemahaman utama)	• Siapakah diri saya? • Apakah kelainan pada diri saya? • Bagaimanakah saya melihat orang lain dan dunia di sekeliling saya?	• Bagaimanakah saya mentakrifkan hubungan? • Mengapakah kita menjalin hubungan? • Bagaimanakah hubungan saya dengan orang lain memberikan kesan kepada orang lain dan diri saya sendiri?	• Siapakah yang boleh saya jadi? Apakah pilihan yang saya buat? • Bagaimanakah saya membuat pilihan?

Domain		Soalan-soalan Kunci		
		Identiti	Hubungan	Pilihan
Diri	Diri Saya dan Potensi Saya	Bagaimanakah saya sama seperti orang lain? Bagaimanakah saya berbeza daripada orang lain?	Bagaimanakah persepsi saya dan cara saya menguruskan diri sendiri memberi kesan kepada hubungan saya dengan orang lain?	Bagaimanakah pilihan yang saya buat itu baik untuk orang lain dan diri saya sendiri?
Keluarga	Mempererat Ikatan Keluarga	Siapakah saya dalam keluarga saya?	Bagaimanakah saya menjalin dan menjaga hubungan dengan keluarga?	Bagaimanakah tindakan saya memberikan kesan kepada keluarga dan diri saya sendiri?
Sekolah	Menjalin Persahabatan Yang Sihat dan Semangat Berpasukan	Bagaimanakah diri saya sebagai seorang rakan kepada orang lain? Apakah peranan kita semua semasa bekerja dalam sesebuah pasukan?	Siapakah rakan-rakan saya? Bagaimanakah kami boleh bekerja dengan baik bersama-sama?	Apakah yang saya inginkan dalam sesebuah persahabatan? Bagaimanakah kita boleh gunakan kekuatan masing-masing untuk membentuk sebuah pasukan?
Masyarakat	Memahami Masyarakat Kita dan Membina Masyarakat yang Inklusif	Apakah yang dimaksudkan dengan masyarakat inklusif?	Bagaimanakah kita memahami dan berhubungan dengan orang lain dalam sesebuah masyarakat inklusif?	Apakah peranan kita dalam membentuk sebuah masyarakat inklusif?
Negara	Memupuk Rasa Identiti Negara dan Pembangunan Negara	Apakah perkara-perkara yang menjadikan kita semua rakyat Singapura?	Bagaimanakah hubungan saya dengan orang lain boleh menyumbang kepada pembangunan negara?	Bagaimanakah kita menunjukkan komitmen kepada kesejahteraan Singapura?
* Dunia	Rakyat yang Aktif dalam Dunia Menyejagat	Apakah yang dimaksudkan sebagai rakyat yang aktif dalam dunia yang menyejagat?	Bagaimanakah kita berinteraksi dengan setiap orang dalam dunia yang menyejagat?	Bagaimanakah kita menggunakan kekuatan dan kebolehan kita untuk memenuhi keperluan dunia yang menyejagat?

***Domain Dunia hanya untuk Darjah 5-6.**

Kandungan Sukatan Pelajaran bagi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan untuk Peringkat Sekolah Rendah

Domain: Diri

Fokus: Diri Saya dan Potensi Saya

Hasil Pembelajaran:

- LO 1:** Memperoleh kesedaran diri dan menggunakan kemahiran pengurusan diri untuk mencapai kesejahteraan dan keberkesanan peribadi
- LO 2:** Bertindak dengan integriti dan membuat keputusan secara bertanggungjawab, yang teguh pada prinsip-prinsip moral
- LO 4:** Berdaya bingkas dan dapat menjadikan cabaran sebagai peluang



Soalan-soalan Kunci:

Identiti: Bagaimanakah saya sama seperti orang lain? Bagaimanakah saya berbeza daripada orang lain?

Hubungan: Bagaimanakah persepsi saya dan cara saya menguruskan diri sendiri memberi kesan kepada hubungan saya dengan orang lain?

Pilihan: Bagaimanakah pilihan yang saya buat itu baik untuk orang lain dan diri saya sendiri?

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
PENGETAHUAN	Persepsi Diri			
	• Tahu bahawa setiap insan unik dan berbeza	✓		
	• Tahu perkara-perkara yang disukai dan yang tidak disukai; dan kekuatan serta kelemahan diri	✓		
	• Tahu cara-cara untuk menunjukkan kebolehan diri, kekuatan, sifat-sifat peribadi, kemahiran dan minat		✓	✓
	• Tahu sebab-sebab menghargai kebolehan diri, kekuatan, sifat-sifat peribadi, kemahiran dan minat			✓
	Memahami Emosi			
	• Tahu tentang pelbagai emosi	✓	✓	
	• Tahu bahawa perasaan marah, takut, rasa bersalah, gelisah, tertekan dsb, membuat seseorang berasa tidak selesa	✓	✓	
	• Fahami bahawa perasaan yang tidak selesa dan perlakuan terburu-buru akan mendatangkan kesan	✓	✓	
	• Tahu cara-cara untuk menangani perasaan yang tidak menyenangkan dan tingkah laku yang terburu-buru	✓	✓	✓
	• Tahu bahawa perasaan yang tidak menyenangkan boleh mendorong seseorang untuk bertindak secara bertanggungjawab demi memperbaiki diri sendiri		✓	✓
	• Fahami bahawa pemikiran seseorang boleh mendatangkan kesan kepada perasaan dan tingkah laku		✓	✓
	• Kenali tanda-tanda dan tingkah laku yang menunjukkan tekanan dan kegelisahan		✓	✓

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
	Tahu perkara-perkara yang menyebabkan tekanan dan kegelisahan			✓
	Mengetahui Keutamaan Diri Tahu tentang pentingnya menetapkan matlamat pembelajaran yang mudah	✓		
	Tahu apa itu matlamat dan sebab-sebab menetapkan matlamat		✓	
	Tahu cara-cara untuk memfokuskan diri demi mencapai matlamat dan cita-cita			✓
	Perubahan dalam Hidup Tahu tentang perubahan dalam hidup	✓		
	Fahami dan terima hakikat bahawa terdapat perubahan dalam hidup		✓	✓
	- Tahu bahawa setiap perubahan disertai dengan cabaran dan perkara-perkara yang boleh dilakukan - Tahu cara-cara menangani perubahan	✓	✓	✓
	Tahu di mana dan bila masanya untuk dapatkan bantuan	✓	✓	✓
	Tahu apa yang dimaksudkan sebagai seseorang yang berdaya bingkas dan perkara-perkara yang boleh dilakukan untuk menjadi seorang yang berdaya bingkas		✓	✓
	Fahami faktor-faktor yang menyumbang kepada sifat berdaya bingkas			✓
KEMAHIRAN	Mengenali Diri Sendiri - Pandang positif kepada diri sendiri - Luahkan kata-kata positif tentang diri sendiri	✓	✓	
	Perlihatkan diri secara positif kepada orang lain			✓
	Kenal pasti kemahiran peribadi, sikap dan nilai-nilai murni bagi membantu diri dalam mengatasi perubahan dan cabaran			✓
	- Kenali perasaan - Gunakan pelbagai perkataan untuk menerangkan perasaan	✓		
	Menerangkan pelbagai perasaan dan kenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada perasaan		✓	
	Menerangkan perasaan yang tertekan dan kegelisahan dan kenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kegelisahan			✓
	Mengurus Emosi Tunjukkan cara-cara sesuai untuk mengatasi perasaan yang kurang selesa	✓		

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
	- Bentuk cara-cara untuk - Luahkan dan uruskan perasaan yang kurang selesa dalam pelbagai konteks		✓	✓
	- Uruskan kesan negatif daripada jangkaan orang lain terhadap kita			✓
	Mengolah perasaan dan membuat renungan terhadap kesan dan akibat daripada tindakan yang diambil terhadap orang lain dan diri sendiri			✓
	Mengurus Tekanan Kenal pasti tanda-tanda dan tingkah laku yang berkaitan dengan tekanan dan kegelisahan		✓	✓
	Bentuk cara-cara yang sesuai bagi mengatasi tekanan dan kegelisahan		✓	✓
	Mengawal Sifat Terburu-buru Tahu apabila seseorang itu telah bertindak secara terburu-buru		✓	✓
	Bentuk tingkah laku alternatif yang mendatangkan kesan yang positif		✓	✓
	Meminta Bantuan Dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah atau cabaran	✓	✓	✓
	Menentukan Matlamat Tentukan matlamat pembelajaran yang mudah	✓		
	Tentukan matlamat yang realistik bagi pembentukan diri dan berusaha mencapai sasaran		✓	✓
	Pantau kemajuan dan perbaik matlamat pembelajaran dan perancangan		✓	✓
	Bentuk pemikiran yang baik untuk motivasi diri			✓
	Membuat Keputusan Yang Bertanggungjawab Timbangkan pilihan dan akibat-akibatnya dalam membuat keputusan	✓	✓	✓
	Buat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni	✓	✓	✓
	Renungkan bagaimana tindakan yang diambil boleh mendatangkan kesan kepada orang lain	✓	✓	✓
	Tegakkan kebenaran walaupun ketika berhadapan dengan cabaran	✓	✓	✓
	Renungan - Fikirkan semula dan belajar daripada - Pengalaman sendiri	✓		
	- Pengalaman orang lain		✓	✓
	Fikirkan secara positif tentang cabaran-cabaran hidup	✓	✓	✓

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
NILAI	Bertanggungjawab:			
	• dalam menjaga kesejahteraan diri sendiri	✓	✓	✓
	• dalam membuat keputusan	✓	✓	✓
	Menghormati diri sendiri	✓	✓	✓
	Daya Bingkas dipamerkan melalui kekuatan emosi	✓	✓	✓
SIKAP	Keberkesanan diri dan percaya pada kecekapan diri	✓	✓	✓
	Bersikap ingin tahu tentang perkara-perkara dalam hidup	✓	✓	✓
	Disiplin diri	✓	✓	✓
	Keberanian dan ketekunan dalam menghadapi perubahan dan cabaran	✓	✓	✓
	Motivasi diri untuk mencapai matlamat	✓	✓	✓

Berikut ialah pengalaman-pengalaman hidup yang berguna untuk mengajar pengetahuan, kemahiran dan nilai/sikap yang relevan:

Konteks untuk Darjah 1 - 2	Konteks untuk Darjah 3 - 4	Konteks untuk Darjah 5 - 6
• Hari pertama di sekolah • Menyesuaikan diri dengan perubahan pada hari pertama di sekolah • Membiasakan diri dengan rutin harian • Mengurus diri tanpa bantuan ibu bapa • Belajar mata pelajaran baharu • Berkenalan dengan kawan-kawan baharu	• Menyesuaikan diri dengan saiz kelas baharu • Membiasakan diri dengan kelas baharu • Belajar mata pelajaran baharu • Menyiapkan kerja sekolah di rumah • Menduduki peperiksaan formal • Memilih Aktiviti Ko-Kurikular • Menyertai Aktiviti Ko-Kurikular • Merancang masa • Menguruskan wang dan menjaga kunci rumah • Pergi ke sekolah dan pulang ke rumah dengan selamat • Berkenalan dengan orang lain dalam talian (<i>online</i>) • Mengalami perubahan fizikal	• Menjadi seorang ketua • Menduduki peperiksaan peringkat nasional • Memilih sekolah menengah • Menghadapi halangan dan rintangan

Domain: Keluarga

Fokus: Mempererat Ikatan Keluarga

Hasil Pembelajaran:

- LO 1:** Memperoleh kesedaran diri dan menggunakan kemahiran pengurusan diri untuk mencapai kesejahteraan dan keberkesanan peribadi
- LO 2:** Bertindak dengan integriti dan membuat keputusan secara bertanggungjawab, yang teguh pada prinsip-prinsip moral
- LO 3:** Memperoleh kesedaran sosial dan menggunakan kemahiran perhubungan untuk menjalin dan mengekalkan hubungan positif berdasarkan rasa saling menghormati



Soalan-soalan Kunci:

Identiti: Siapakah saya dalam keluarga saya?

Hubungan: Bagaimanakah saya menjalin dan menjaga hubungan dalam keluarga?

Pilihan: Bagaimanakah tindakan saya memberikan kesan kepada keluarga dan diri sendiri?

ISI		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
PENGETAHUAN	Hubungan Keluarga Yang Positif			
	• Tahu bagaimana keadaan hubungan keluarga yang positif	✓	✓	✓
	• Fahami pentingnya peranan dan tanggungjawab dalam keluarga	✓	✓	✓
	Isu-isu Kekeluargaan			
	• Tahu bila dan di mana bantuan boleh diperoleh ketika diperlukan oleh keluarga		✓	✓
	• Fahami cara-cara menangani perubahan dalam keluarga		✓	✓
	Perihatin Terhadap Keluarga			
	• Fahami pentingnya mengambil berat tentang orang lain di rumah	✓	✓	✓
	• Tahu cara-cara untuk			
	o Ambil berat tentang orang lain di rumah	✓	✓	
	o Menyumbang kepada peningkatan hidup ahli keluarga di rumah			✓

	ISI	Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
KEMAHIRAN	Menjalin dan Menjaga Hubungan yang positif			
	• Dengar dengan teliti dan beri respons yang sewajarnya	✓	✓	
	• Bertutur dengan sopan	✓	✓	✓
	• Tunjukkan perhatian dan timbang rasa kepada ahli keluarga	✓	✓	✓
	• Hargai ahli keluarga		✓	✓
	• Kenal pasti perasaan orang lain melalui gerak-geri mereka		✓	✓
	• Dapatkan penjelasan, dan luahkan pemikiran dan perasaan kepada orang lain dengan cara yang sesuai		✓	✓
	• Utamakan ahli keluarga			✓
	Mengambil Perspektif			
	• Tahu pemikiran dan perasaan orang lain	✓	✓	
	• Tunjukkan rasa peka terhadap ahli keluarga dalam situasi yang berbeza-beza		✓	✓
	Menyelesaikan Konflik			
	• Tunjukkan cara-cara sesuai untuk menangani perselisihan dengan ahli keluarga di rumah	✓	✓	✓
	Mendapatkan Bantuan			
	• Dapatkan bantuan daripada ahli keluarga	✓	✓	✓
	Memberikan Bantuan			
	• Hurlurkan bantuan apabila ahli keluarga menghadapi masalah		✓	✓
	Membuat Keputusan Yang Bertanggungjawab			
	• Timbangkan pilihan dan akibat-akibatnya dalam membuat keputusan	✓	✓	✓
	• Buat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni	✓	✓	✓
	• Renungkan bagaimana tindakan yang diambil mendatangkan kesan kepada orang lain	✓	✓	✓
	• Tegakkan kebenaran walaupun ketika berhadapan dengan cabaran		✓	✓
	Renungan			
	• Fikirkan semula bagaimana nilai penyayang, hormat-menghormati dan bertanggungjawab ditunjukkan kepada ahli keluarga di rumah, dan belajar cara-cara untuk meluahkan nilai-nilai berkenaan dengan lebih baik	✓	✓	✓

	ISI	Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
NILAI	Bertanggungjawab dalam keluarga	✓	✓	✓
	Sifat Penyayang terhadap pemikiran, perasaan dan keprihatinan/ keperluan ahli keluarga di rumah	✓	✓	✓
	Harmoni dalam keluarga	✓	✓	✓
	Menghormati orang lain di rumah	✓	✓	✓
SIKAP	Rendah diri semasa berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah	✓	✓	✓
	Hargai ahli keluarga yang berkelainan	✓	✓	✓
	Berasa empati terhadap orang lain di rumah	✓	✓	✓
	Yakin bahawa seseorang itu boleh membawa kelainan dalam keluarga	✓	✓	✓
	Berkongsi dengan ahli keluarga dan mengutamakan mereka	✓	✓	✓
	Ambil inisiatif untuk menyumbang kepada peningkatan hidup ahli keluarga di rumah	✓	✓	✓

Berikut ialah pengalaman-pengalaman hidup yang berguna untuk mengajar pengetahuan, kemahiran dan nilai/sikap yang relevan:

Konteks untuk Darjah 1 - 2	Konteks untuk Darjah 3 - 4	Konteks untuk Darjah 5 - 6
Melaksanakan Nilai Dalam Tindakan (VIA): • Mengemas katil sendiri • Menyapa ahli keluarga di rumah • Menjaga kebersihan tempat belajar • Mengemas selepas makan	• Menolong membuat kerja-kerja rumah • Meluangkan masa bersama keluarga • Berhubungan baik dengan adik-beradik dan rakan-rakan sepermainan • Membantu dalam sesebuah sambutan perayaan di rumah	• Meluangkan masa bersama keluarga • Menjaga ahli keluarga • Mengambil inisiatif untuk merancang dan menyambut hari-hari istimewa bagi ahli keluarga

Domain: Sekolah

Fokus: Menjalinkan Persahabatan yang Sihat dan Semangat Berpasukan

Hasil Pembelajaran:

- LO 1:** Memperoleh kesedaran diri dan menggunakan kemahiran pengurusan diri untuk mencapai kesejahteraan dan keberkesanan peribadi
- LO 2:** Bertindak dengan integriti dan membuat keputusan secara bertanggungjawab, yang teguh pada prinsip-prinsip moral
- LO 3:** Memperoleh kesedaran sosial dan menggunakan kemahiran perhubungan untuk menjalin dan mengekalkan hubungan positif berdasarkan rasa saling hormat-menghormati
- LO 7:** Mengambil berat tentang orang lain dan menyumbang secara aktif kepada kemajuan masyarakat dan negara



Soalan-soalan Kunci:

Identiti: Bagaimanakah diri saya sebagai seorang rakan kepada orang lain? Apakah peranan kita semua semasa bekerja dalam sesebuah pasukan?

Hubungan: Siapakah rakan-rakan saya? Bagaimanakah kami boleh bekerja dengan baik bersama-sama?

Pilihan: Apakah yang saya inginkan dalam sesebuah persahabatan? Bagaimanakah kita boleh gunakan kekuatan masing-masing untuk membentuk sebuah pasukan?

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
PENGETAHUAN	Persahabatan yang Sihat			
	• Tahu cara-cara memulakan persahabatan	✓		
	• Kenali persahabatan yang sihat dan tahu mengapa ia penting		✓	✓
	• Tahu bahawa terdapat konflik dalam sesebuah persahabatan dan cara-cara untuk menyelesaikannya		✓	✓
	Bekerja dalam Berpasukan			
	• Tahu cara-cara komunikasi yang berkesan semasa bekerja secara berpasukan:			
	o Bercakap secara bergilir-gilir	✓		
	o Fahami perlunya berperaturan	✓		
	o Dengar percakapan orang lain dengan teliti	✓	✓	
	o Ambil bahagian secara aktif		✓	
	o Luahkan pendapat dengan cara yang sesuai		✓	✓
	o Hormati pandangan yang berbeza		✓	✓
	• Tahu cara-cara menangani perselisihan:			
	o Beritahu guru	✓	✓	
	o Ingatkan ahli kumpulan supaya menghormati pandangan yang berbeza		✓	✓
	Sifat Penyayang Terhadap Orang Lain			
	• Tahu cara-cara untuk ambil berat tentang orang lain	✓	✓	✓
	• Tahu bahawa seseorang perlu peka terhadap pemikiran dan perasaan rakan-rakan termasuk rakan-rakan dalam talian		✓	✓

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
	Fahami pentingnya mengambil berat tentang orang lain		✓	✓
	Hubungan Negatif Tahu apa yang dimaksudkan dengan hubungan yang negatif dan bagaimana keadaannya	✓	✓	
	Tahu bahawa hubungan negatif menjejaskan harga diri seseorang dan perpaduan pasukan		✓	✓
	Tahu bila dan di mana bantuan boleh diperolehi apabila berhadapan dengan hubungan yang negatif	✓	✓	✓
KEMAHIRAN	Menjalin dan Menjaga Hubungan yang Positif Dengar dengan tekun dan beri respons yang sewajarnya	✓	✓	
	Bertutur dengan sopan	✓	✓	✓
	Tunjukkan sikap ambil berat dan timbang rasa terhadap orang lain	✓	✓	✓
	Hargai orang lain di sekolah		✓	✓
	Kenal pasti perasaan orang lain melalui gerak-geri mereka		✓	✓
	Dapatkan penjelasan, dan luahkan pemikiran dan perasaan kepada orang lain dengan cara yang sesuai		✓	✓
	Utamakan orang lain di sekolah			✓
	Mengambil Perspektif Timbangkan pemikiran dan perasaan orang lain	✓	✓	✓
	Sedar bahawa orang lain boleh berikan respon yang berbeza terhadap situasi yang sama		✓	✓
	Peka terhadap perasaan orang lain			✓
	Menyelesaikan Konflik Tunjukkan cara-cara menangani perselisihan dengan orang lain		✓	✓
	Mendapatkan Bantuan Dapatkan bantuan daripada orang lain apabila menghadapi masalah	✓	✓	✓
	Memberi Bantuan Berikan bantuan kepada orang lain yang sedang menghadapi masalah		✓	✓
	Membuat Keputusan Yang Bertanggungjawab Timbangkan pilihan dan akibat-akibatnya dalam membuat keputusan	✓	✓	✓
	Buat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni	✓	✓	✓
	Renungkan bagaimana tindakan yang diambil mendatangkan kesan kepada orang lain	✓	✓	✓
	Tegakkan kebenaran walaupun ketika berhadapan dengan cabaran	✓	✓	✓
	Renungan Fikirkan semula dan belajar daripada pengalaman dengan orang lain di sekolah	✓	✓	✓

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
NILAI	Menghormati orang lain	✓	✓	✓
	Bertanggungjawab:			
	• dalam membuat keputusan	✓	✓	✓
	• terhadap orang lain		✓	✓
	Daya Bingkas dipamerkan melalui kekuatan emosi semasa menghadapi cabaran	✓	✓	✓
	Integriti dan keberanian moral dalam menegakkan kebenaran	✓	✓	✓
	Sifat Penyayang terhadap pemikiran, perasaan dan keprihatinan/keperluan orang lain	✓	✓	✓
SIKAP	Harmoni dengan orang lain	✓	✓	✓
	Timbangkan pemikiran, perasaan dan keprihatinan /keperluan orang lain	✓	✓	✓
	Hargai orang lain yang berbeza daripada kita	✓	✓	✓
	Berasa empati terhadap orang lain	✓	✓	✓
	Rendah diri ketika berinteraksi dengan orang lain	✓	✓	✓
	Yakin bahawa seseorang itu boleh membawa kelainan kepada sekolah		✓	✓
	Berkongsi dengan orang lain dan mengutamakan mereka		✓	✓
	Ambil inisiatif untuk menyumbang kepada peningkatan hidup orang lain di sekolah		✓	✓

Berikut ialah pengalaman-pengalaman hidup yang berguna untuk mengajar pengetahuan, kemahiran dan nilai/sikap yang relevan:

Konteks untuk Darjah 1 - 2	Konteks untuk Darjah 3 - 4	Konteks untuk Darjah 5 - 6
- Berkenalan dengan rakan baharu - Membuli dan mengejek - Berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan-rakan - Mengambil bahagian dalam aktiviti dan acara sekolah	- Membantu rakan-rakan - Menjadi seorang ketua - Menangani masalah buli dan penderaan - Menjadi seorang rakan - Bekerjasama - Menjadi ahli Aktiviti Ko-Kurikular (CCA) - Melaksanakan Nilai Dalam Tindakan (VIA) - Mengalami tekanan daripada rakan-rakan - Menghadapi konflik dengan rakan-rakan	- Berkenalan dengan kawan baharu melalui media sosial - Berkomunikasi dengan orang lain dalam talian (<i>online</i>) - Menangani masalah buli dalam talian (<i>online</i>) - Menghadapi kekalahan dan kegagalan - Melakukan lawatan pembelajaran (<i>learning journeys</i>) - Menjadi pelajar contoh kepada murid-murid yang lebih muda - Menjadi rakan kepada murid-murid yang lebih muda - Merancang dan menganjurkan acara sekolah

Domain: Masyarakat

Fokus: Memahami Masyarakat Kita dan Membina Masyarakat yang Inklusif

Hasil Pembelajaran:

LO 6: Menghargai kepelbagaian sosio-budaya di Singapura, dan menggalakkan perpaduan sosial dan harmoni

LO 7: Mengambil berat tentang orang lain dan menyumbang secara aktif kepada kemajuan masyarakat dan negara

Soalan-soalan Kunci:

Identiti: Apakah yang dimaksudkan dengan sebuah masyarakat inklusif?

Hubungan: Bagaimanakah kita memahami dan berhubungan dengan orang lain dalam sesebuah masyarakat inklusif?

Pilihan: Apakah peranan kita dalam membentuk sebuah masyarakat inklusif?



KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
PENGETAHUAN	Budaya dan Amalan			
	• Fahami kekayaan perayaan pelbagai budaya di Singapura	✓		
	• Fahami kepelbagaian perayaan keagamaan dan amalan di Singapura		✓	
	• Fahami kepelbagaian amalan pemakanan dan kitab-kitab agama daripada agama yang berbeza-beza			✓
	Perpaduan Sosial dan Keharmonian			
	• Fahami bahawa perpaduan sosial dan harmoni			
	o Berkaitan dengan berhubungan baik dengan kawan-kawan daripada berlainan kaum, budaya dan kerakyatan	✓		
	o Berinteraksi dan berhubungan baik dengan kawan-kawan daripada masyarakat berlainan kaum ¹⁴		✓	
	o Penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan kehidupan yang lebih baik dengan masyarakat berlainan kaum			✓
	o Mempunyai budaya menghormati pandangan orang lain	✓	✓	✓
	• Tahu cara-cara menghormati orang-orang daripada pelbagai kaum dan budaya	✓	✓	✓
	• Tahu cara-cara untuk mengambil berat dan menyumbang kepada peningkatan hidup orang lain			✓
	• Fahami peranan dan tanggungjawab sebagai ahli masyarakat			✓
	Prihatin Terhadap Masyarakat			
	• Fahami bahawa seseorang yang prihatin:			
	o Mengambil berat tentang kesejahteraan hidup orang lain			
	o Tunjukkan rasa empati demi memahami keperluan orang lain			
	o Ambil inisiatif untuk membantu orang lain			✓

¹⁴ Diverse socio-cultural groups/ settings comprise other races, religions, cultures, nationalities and/or social status. These include international students and new citizens.

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
	Fahami peri pentingnya mengambil berat tentang orang lain dalam masyarakat			✓
KEMAHIRAN	Menjalin dan Menjaga Hubungan yang Positif Dengar dengan tekun dan beri respons yang sewajarnya	✓		
	Tunjukkan sikap ambil berat dan timbang rasa terhadap orang-orang daripada kaum dan budaya yang berbeza	✓		
	Berkongsi dengan rakan-rakan daripada sosio-budaya yang berbeza		✓	
	Kenal pasti perasaan orang lain melalui gerak-geri mereka		✓	✓
	Dapatkan penjelasan, dan luahkan pemikiran dan perasaan kepada rakan-rakan yang berlainan sosiobudaya dengan cara yang sesuai		✓	✓
	Gunakan cara yang sesuai untuk membantu rakan-rakan daripada sosio-budaya yang berbeza			✓
	Mengambil Perspektif Tunjukkan kepekaan terhadap pemikiran, perasaan dan tingkah laku rakan-rakan daripada sosio-budaya yang berbeza dan letakkan diri dalam keadaan mereka	✓	✓	✓
	Kenali kelebihan dalam diri orang lain			✓
	Renungan Fikirkan semula dan belajar daripada pengalaman dengan orang lain dalam masyarakat	✓	✓	✓
NILAI	Hormat-Menghormati Kepelbagaian makanan dan perayaan kebudayaan di Singapura	✓		
	Perayaan keagamaan dan tempat-tempat ibadat di Singapura		✓	
	Amalan pemakanan dan kita-kitab agama daripada pelbagai kumpulan sosio-budaya			✓
	Sifat penyayang terhadap perasaan dan keperluan orang lain	✓	✓	✓
	Harmoni dengan orang lain	✓	✓	✓
SIKAP	Bersikap tidak mudah menghukum	✓	✓	✓
	Hargai keanekaragaman di Singapura	✓	✓	✓
	Berasa empati terhadap orang lain	✓	✓	✓
	Berkongsi dengan orang lain dan mengutamakan mereka		✓	✓
	Hargai orang lain yang berbeza daripada kita		✓	✓
	Rendah diri ketika berinteraksi dengan orang lain			✓
	Yakin bahawa seseorang itu boleh mendatangkan kelainan			✓
	Ambil inisiatif untuk menyumbang kepada peningkatan hidup orang lain			✓

Berikut ialah pengalaman-pengalaman hidup yang berguna untuk mengajar pengetahuan, kemahiran dan nilai/sikap yang relevan:

Konteks untuk Darjah 1 - 2	Konteks untuk Darjah 3 - 4	Konteks untuk Darjah 5 - 6
- Berkomunikasi dengan rakan-rakan yang berlainan kaum - Mengambil bahagian dalam sambutan Hari Keharmonian Kaum	- Bertemu dengan golongan masyarakat yang berbeza-beza - Melakukan lawatan pembelajaran (<i>learning journeys</i>) - Mengambil bahagian dalam sambutan Hari Keharmonian Kaum	- Melaksanakan Nilai Dalam Tindakan (VIA), termasuk menjaga persekitaran dan haiwan - Melakukan lawatan pembelajaran (<i>learning journeys</i>) - Mengambil bahagian dalam sambutan Hari Keharmonian Kaum

Domain: Negara

Fokus: Memupuk Rasa Identiti Negara dan Pembangunan Negara

Hasil Pembelajaran:

LO 5: Berbangga dengan identiti nasional, mempunyai rasa kepunyaan di Singapura dan komited kepada pembangunan negara

LO 8: Membuat renungan dan memberikan respons kepada isu-isu masyarakat, negara dan global, sebagai rakyat yang berpengetahuan dan bertanggungjawab



Soalan-soalan Kunci:

Identiti: Apakah perkara-perkara yang menjadikan kita semua rakyat Singapura?

Hubungan: Bagaimanakah hubungan saya dengan orang lain boleh menyumbang kepada pembangunan negara?

Pilihan: Bagaimanakah kita menunjukkan komitmen kepada kesejahteraan Singapura?

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
PENGETAHUAN	Identiti Nasional			
	• Tahu warisan dan budaya Singapura dan bagaimana ia mempengaruhi gaya hidup kita yang unik	✓		
	• Fahami bahawa identiti nasional:			
	o Melibatkan pengetahuan tentang warisan dan budaya Singapura dan bagaimana ia mempengaruhi gaya hidup kita yang unik		✓	✓
	o Penting kerana ia mewujudkan rasa kepunyaan dalam diri seseorang		✓	✓
	o Mencorak budaya Singapura			✓
	• Tahu bagaimana seseorang boleh menyumbang kepada pencorakan identiti nasional dan budaya dengan:	✓		
	o Menghormati kepelbagaian budaya			
	• Fahami bagaimana seseorang boleh menyumbang kepada pencorakan identiti nasional dan budaya dengan:		✓	✓
	o Menghormati kepelbagaian budaya			
	o Menghargai dan menerima budaya lain			✓
KEMAHIRAN	Pembinaan Negara			
	• Tahu tentang lima faktor utama yang menyumbang kepada pertahanan mutlak Singapura	✓		
	• Fahami bagaimana seseorang boleh mempamerkan iltizam dan memainkan peranan terhadap pertahanan mutlak Singapura		✓	✓
	• Sedar akan isu-isu semasa yang dihadapi oleh Singapura dan implikasinya			✓
	Mengambil Perspektif			
	• Timbangkan pemikiran dan perasaan orang lain o yang seusia	✓		

KANDUNGAN		Darjah 1-2	Darjah 3-4	Darjah 5-6
	o di sekolah		✓	
	o daripada masyarakat dan negara			✓
	Membuat Keputusan secara Bertanggungjawab • Timbangkan pilihan dan akibat-akibatnya dalam membuat keputusan	✓	✓	✓
	• Buat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni	✓	✓	✓
	• Renungkan bagaimana tindakan seseorang mendatangkan kesan kepada orang lain	✓	✓	✓
	• Tegakkan kebenaran walaupun ketika berhadapan dengan cabaran		✓	✓
	Renungan • Fikirkan semula dan belajar daripada pengalaman Singapura			✓
	• Renungkan bagaimana seseorang memupuk rasa kepunyaan o terhadap Singapura	✓		
	o dengan berasa bangga dan komited kepada Singapura		✓	✓
NILAI	Sifat Penyayang terhadap Singapura	✓	✓	✓
	Taat kepada Singapura	✓	✓	✓
	Bertanggungjawab terhadap Singapura	✓	✓	✓
	Menghormati identiti nasional	✓	✓	✓
	Tanggungjawab Sivik dengan mempunyai pengetahuan tentang isu-isu negara		✓	✓
	Daya Bingkas dalam pertahanan mutlak Singapura			✓
SIKAP	Mempunyai rasa kepunyaan dan hak di Singapura	✓	✓	✓
	Cinta kepada Singapura	✓	✓	✓
	Optimis dan yakin dengan masa depan Singapura	✓	✓	✓
	Prihatin terhadap perkara-perkara yang mendatangkan kesan kepada Singapura		✓	✓
	Iltizam terhadap kesejahteraan Singapura			✓
	Proaktif untuk sentiasa berpengetahuan			✓

Berikut ialah pengalaman-pengalaman hidup yang berguna untuk mengajar pengetahuan, kemahiran dan nilai/sikap yang relevan:

Konteks untuk Darjah 1 - 2	Konteks untuk Darjah 3 - 4	Konteks untuk Darjah 5 - 6
• Mengambil bahagian dalam upacara menaikkan bendera • Memperingati Hari Pertahanan Mutlak • Menyambut Hari Kebangsaan	• Memperingati Hari Pertahanan Mutlak • Menyambut Hari Kebangsaan	• Memperingati Hari Pertahanan Mutlak • Menghadiri pertunjukan Pendidikan Nasional (<i>NE show</i>) • Menyambut Hari Kebangsaan • Mengambil bahagian dalam program pertukaran atau lawatan lapangan (<i>field trips</i>)

Domain: Dunia*

Fokus: Rakyat yang Aktif dalam Dunia yang Menyejagat

**Domain ini hanya untuk Darjah 5-6*

Hasil Pembelajaran:

LO 8: Membuat renungan dan memberikan respons kepada isu-isu masyarakat, negara dan global, sebagai rakyat yang berpengetahuan dan bertanggungjawab

Soalan-soalan Kunci:

Identiti: Apakah yang dimaksudkan sebagai rakyat yang aktif dalam dunia yang menyejagat?

Hubungan: Bagaimanakah kita berinteraksi dengan setiap orang dalam dunia yang menyejagat?

Pilihan: Bagaimanakah kita menggunakan kekuatan dan kebolehan kita untuk memenuhi keperluan dalam dunia yang menyejagat?



KANDUNGAN		Darjah 5-6
PENGETAHUAN	Rakyat Aktif - Kenali ciri-ciri rakyat yang berpengetahuan dan bertanggungjawab dalam dunia yang menyejagat - Tahu tentang peranan masing-masing di Singapura - Berminat untuk mengetahui isu-isu terkini yang melanda negara-negara serantau dan implikasi-implikasinya	✓
KEMAHIRAN	Mengambil Perspektif Timbangkan pelbagai pandangan untuk membuat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni	✓
	Memberi Bantuan Memberikan bantuan kepada orang-orang yang menghadapi masalah	✓
	Renungan Fikirkan semula dan belajar daripada pengalaman negara-negara serantau	✓
NILAI	Menghormati orang lain	✓
	Bertanggungjawab dalam membantu orang lain	✓
	Sifat penyayang terhadap pemikiran, perasaan dan keprihatinan/keperluan orang lain	✓
SIKAP	Berasa empati terhadap orang lain	✓
	Prihatin terhadap perkara-perkara yang mendatangkan kesan kepada dunia	✓
	Pro-aktif untuk mendapatkan pengetahuan	✓

Berikut ialah pengalaman-pengalaman hidup yang berguna untuk mengajar pengetahuan, kemahiran dan nilai/sikap yang relevan:

Konteks untuk Darjah 5 - 6

- Menyambut Hari Persahabatan Antarabangsa
- Menghargai orang lain melalui pengalaman Nilai Dalam Tindakan (VIA)
- Mengambil bahagian dalam program pertukaran atau lawatan lapangan (field trips)

Pedagogi

Pedagogi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dilakarkan berdasarkan teori pembelajaran Konstruktivis. Pengajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan adalah berasaskan proses dan ia berfokus pada aspek “mengapa” dan “bagaimana”, dan bukannya pada aspek “apa”. Oleh sebab murid-murid belajar dengan baik apabila mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran, pendekatan pengajaran yang digunakan untuk Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan bertujuan memudah cara pembelajaran kemahiran dan penghayatan nilai-nilai murni melalui tindakan.

Guru-guru boleh menggunakan gabungan pendekatan yang berasaskan proses dan memilih strategi pengajaran yang relevan bagi melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan. Pendekatan-pendekatan pengajaran berkenaan diterangkan dalam halaman berikut.

Gambar rajah 9: Pedagogi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan



Pendekatan Pengajaran Berasaskan Proses

a. Pendekatan Bercerita

Pendekatan Bercerita melibatkan penceritaan tentang kisah-kisah dongeng dan juga benar untuk memudahkan cara proses penghayatan nilai-nilai murni. Guru boleh menggunakan cerita-cerita bercorak tradisional, kepahlawanan dan kisah-kisah yang berlaku dalam kehidupan harian, untuk membantu murid-murid memahami peri perlunya mengamalkan nilai-nilai murni. Bercerita juga membolehkan murid-murid menjelaskan perasaan mereka melalui aktiviti renungan. Adalah penting bagi guru untuk memilih cerita-cerita yang sesuai dengan peringkat umur dan minat murid-murid.

Murid-murid dibimbing untuk mengenal pasti pegangan dan nilai-nilai peribadi mereka semasa mereka membuat hubung kait dengan pengalaman peribadi mereka, mengarang cerita mereka sendiri atau memikirkan kisah-kisah orang lain. Pendekatan bercerita ini memerlukan teknik menyoal yang terbuka, membuat penjelasan, membuat peringkasan, membina idea daripada idea orang lain dan ia menggalakkan murid-murid memberi respons kepada satu sama lain.

b. Pendekatan Bertimbang Rasa

Pendekatan Bertimbang Rasa berasaskan rasa empati dan ia bertujuan membentuk sikap penyayang. Soalan penting yang perlu diajukan kepada murid-murid ialah “Bagaimanakah perasaan kamu sekiranya kamu orang berkenaan?” Seseorang murid mempelajari bahawa membuat sesebuah keputusan moral melibatkan pertimbangan terhadap kesan bagi keputusan yang dibuat ke atas orang lain. Dengan mengambil perspektif orang yang terlibat itu, murid tersebut akan cuba memahami pemikiran dan perasaannya dan membentuk pandangan yang seimbang terhadap situasi berkenaan. Ini dilakukan melalui penggunaan strategi-strategi seperti main peran dan menyoal.

c. Pendekatan Pembelajaran Pengalaman

Dalam Pendekatan Pembelajaran Pengalaman, murid-murid melalui suatu kitaran pengalaman, pemerhatian, renungan dan pengaplikasian pengetahuan semasa mereka bergiat dalam proses pembelajaran di dalam dan juga di luar bilik darjah. Mereka diberikan pengalaman dan peluang-peluang yang membolehkan mereka merenung nilai-nilai murni, konsep dan idea, serta menghayati nilai-nilai murni dengan mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari dalam situasi dunia sebenar. Dengan memahami makna di sebalik perkara-perkara yang dilakukan, murid-murid berkemungkinan besar akan berasa bahawa mereka bertanggungjawab atas proses pembelajaran yang berlaku, dan mereka kemudian akan memindahkan pengetahuan yang dimiliki kepada situasi baharu berdasarkan pengalaman mereka. Murid-murid merenung, menilai dan membuat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni yang telah dihayati dan kemudiannya mengamalkan nilai-nilai tersebut.

d. Pendekatan Perkembangan Kognitif

Pendekatan Perkembangan Kognitif berasaskan teori perkembangan moral oleh Lawrence Kohlberg. Murid-murid digalakkan supaya memberikan respons kepada situasi dilema yang benar ataupun yang direka, dan dibimbing untuk menentukan tahap respons yang diberikan mengikut tahap penaakulan moral yang digunakan oleh Kohlberg. Proses ini akan membantu murid-murid supaya meneliti sebab atau motif di sebalik tindakan mereka dan kemudian meningkatkan tahap kesedaran diri (*self-awareness*). Guru boleh menggunakan taksonomi ini untuk menganggarkan tahap penaakulan moral murid-murid dan menggunakan proses penyoalan Menghuraikan-Mewujudkan Kepekaan-Mempengaruhi (*CSI - Clarify-Sensitise-Influence*) bagi membolehkan murid beralih daripada perspektif yang mementingkan diri sendiri kepada perspektif yang lebih tinggi mengikut tahap perkembangan moral, dengan memberikan fokus kepada perspektif sosial dan universal.

e. Pendekatan Penjelasan Nilai

Pendekatan Penjelasan Nilai melibatkan proses berlangkah yang membantu murid-murid membuat keputusan yang matang. Murid-murid dirangsang untuk berfikir dan menjelaskan nilai-nilai murni yang menjadi pegangan mereka dengan meneliti perasaan peribadi dan corak tingkah laku melalui pemikiran rasional, rasa empati dan kesedaran emosi. Dengan menggunakan strategi-strategi seperti berdialog dan pembelajaran kooperatif, guru membimbing murid untuk membuat keputusan berdasarkan nilai-nilai murni yang merangkumi nilai-nilai yang menjadi pegangan masyarakat. Proses Membuat Keputusan Secara Bertanggungjawab ini termasuk mengenal pasti dan menilai pilihan, membuat keputusan, mengambil pendirian dan berpegang teguh pada pendirian yang telah diambil.

Penilaian

Penilaian merupakan satu aspek penting dalam pembelajaran dan pengajaran dan ia perlu digunakan secara berkesan untuk menyokong pembentukan holistik murid-murid. Gambar rajah 10 memberikan gambaran keseluruhan bagi penilaian dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan.

Peranan Penilaian

Penilaian merupakan pelengkap kepada proses pembelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan. Teori Konstruktivis menggalak murid menjadi penyumbang aktif dalam pembelajaran mereka dan mengesyorkan supaya mereka terlibat dalam proses penilaian. Oleh itu, penilaian perlu menuju ke arah penilaian untuk pembelajaran (*assessment for learning*). Maklum balas yang tepat tentang murid-murid dan menyeluruh akan memberikan motivasi kepada mereka untuk mencapai matlamat Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan.

Aspek yang Dinilai

Penilaian dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dibentuk untuk menyemak pemahaman murid tentang nilai-nilai murni, dan pembentukan kecekapan sosial dan emosi mereka dan kemahiran yang berkaitan dengan Kewarganegaraan.

Pendekatan untuk Penilaian

Murid-murid boleh menyumbang kepada proses pembelajaran mereka melalui penilaian sendiri ataupun penilaian oleh rakan sebaya. Mereka sepatutnya terlibat dalam mengadakan kerja mereka sendiri, memantau kemajuan dan belajar menentukan matlamat untuk diri sendiri. Murid-murid perlu memahami dengan jelas jangkaan terhadap diri mereka dalam melaksanakan sesuatu tugas penilaian. Disebabkan itu, setiap tugas penilaian perlu disertakan dengan kriteria penilaian yang jelas untuk guru-guru yang harus diterangkan dengan jelas kepada murid-murid.

Kolaborasi antara guru-guru dalam membincangkan hal-hal penilaian akan menyokong pemahaman mereka tentang pembelajaran murid-murid daripada pelbagai perspektif. Ia juga memastikan maklum balas yang holistik tentang kemajuan murid-murid dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan.

Gambar rajah 10: Bentuk Penilaian dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan

PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN PERWATAKAN DAN KEWARGANEGARAAN	
TUJUAN: MEMBERIKAN MAKLUM BALAS UNTUK PEMBENTUKAN PERWATAKAN DAN KEWARGANEGARAAN	
PENDEKATAN: BERPUSAT KEPADA MURID DAN PENDEKATAN SELURUH SEKOLAH	
Penilaian sendiri merupakan bahagian yang penting dalam apa sahaja bentuk penilaian – ia membantu murid-murid supaya berasa bahawa mereka mempunyai kuasa dalam pembelajaran dan sentiasa berfikir. Penilaian sendiri menggalakkan murid-murid supaya merenung dan berusaha secara sedar untuk memperbaiki diri sendiri. STRATEGI: • Renungan • Penulisan Jurnal ALAT: • Senarai Semak • Rubrik • Jurnal • Penunjuk Tingkah Laku (<i>Behavioural Indicator</i>)	PENILAIAN KENDIRI
Penilaian rakan sebaya merupakan proses yang membantu murid-murid memberi maklum balas kepada satu sama lain. Mereka mempelajari bahawa mereka perlu peka tentang maklumat yang diberikan kepada rakan-rakan dan belajar supaya tidak mudah menghukum orang lain ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka. Ini merupakan kecekapan Abad ke- 21 yang diharapkan dapat dipupuk dalam diri murid-murid. STRATEGI: • Teknik menyoal antara rakan-rakan • Pemerhatian oleh rakan-rakan • Pembelajaran Kooperatif • Pembelajaran Kolaboratif • Proses Bulatan ALAT: • Senarai Semak • Rubrik • Penunjuk Tingkah Laku (<i>Behavioural Indicator</i>)	PENILAIAN RAKAN
Pandangan guru-guru terhadap murid-murid kekal penting dalam memberikan maklum balas secara sumatif mahupun formatif. Guru-guru banyak menghabiskan masa dengan murid, lantas mempunyai pemahaman yang baik tentang apa yang hendak dicapai oleh murid-murid. Maklum balas yang berfokuskan pembelajaran dapat membantu murid-murid memahami kemajuan mereka, identiti dan cabaran yang dihadapi. Ia juga mengusulkan cara-cara untuk memperbaiki diri dalam pelbagai aspek. STRATEGI: • Teknik menyoal untuk mendapatkan penjelasan • Pemerhatian oleh guru-guru • Peluang Pengajaran (<i>Teachable Moment</i>) • Proses Bulatan ALAT: • Senarai Semak • Rubrik • Penunjuk Tingkah Laku (<i>Behavioural Indicator</i>) • Kad Laporan Holistik	PENILAIAN GURU

Rujukan

- Beal, C., Bolick, C. M., Martorella, .P. H., (2009). *Teaching Social Studies in Middle and Secondary Schools*. Fifth Edition. United States of America: Pearson Education, Inc.,
- Bennis, W. G., & Thomas, R. J. (2002). *Geeks and geezers: How era, values and defining moments shape leaders*. Cambridge, MA: Harvard Business School Press.
- Berry, R., (2008). *Assessment for Learning*, Hong Kong University Press, Hong Kong.
- Brown, F.B., (1977). *Education for Responsible Citizenship*, Mc Graw Hill Publication, London.
- Byron G. Massialas, Rodney F. Allen. (1996) *Crucial Issues in Teaching Social studies K-12*, Wadsworth Publishing Company
- Cunningham, D.D., (2006). *The Seven Principles of Constructivist Teaching: A Case Study*, Vol. 17, No. 1, ISSN 1091-4071.
- David A. Kolb on *Experiential Learning*. Available from <http://www.infed.org/biblio/b-explrn.htm>. Accessed on 1 July 2012
- Expectations of Excellence Curriculum Standards for Social Studies. (1994). National Council for the Social Studies (NCSS). USA
- Galina D., (2007), *Vygotsky in action in the early years, The 'key to learning' curriculum*, (pp. 9). Routledge, New York
- Garrod, A. et al. (2008). *Adolescent Portraits, Identity, Relationships, and Challenges*, 6th Edition, Pearson, USA.
- Gray, A., *Constructivist Teaching and Learning*. Available from <http://saskschoolboards.ca/research/instructions/97-07.htm> Accessed on 18/07/2012.
- Harmin, M., (1988). *Values Clarity, High Morality – Let's Go for Both*, Educational Leadership.
- Henderson, L., (2005). *Combining moral philosophy and moral reasoning: The PAVE moral reasoning strategy*, International Education Journal, 6(2), 184-193, ISSN 1443-1475, Shannon Research Press, Australia.
- Kerri-Lee K., Sandra B., Sue D., (2006). *Educational Psychology for learning and teaching* and Nelson Australia Pty Limited
- Kenneth T. Henson, Ben F. Eller. (1999). *Educational Psychology for Effective Teaching: Chapter 11 Motivation*, pg 381, Wadsworth Publishing Company
- Kirschenbaum, H., (1977). *Current research in Values Clarification*, in idem, op. Cit.; and Alan Lockwood, *What's Wrong with Values Clarification?*, Social Education, p. 399.
- Larson, W. et al. (2002). *Changes in Adolescents' Interpersonal Experiences: Are They Being Prepared for Adult Relationships in the Twenty-First Century?* Journal of Research on Adolescence, 12(1), 31-68, Society for Research on Adolescence.
- Levy, M. K. & Kerpelman, J. L. (2010). *Identity Process and Transformative Pedagogy: Teachers as Agents of Identity Formation*, Identity: An International Journal of Theory and Research, Psychology Press.
- Louis B. Rath, Merrill Harmin, & Sidney B. Simon, (1966). *Values and Teaching: Working with Values in the Classroom* (Columbus, Ohio: Charles E. Merrill).
- Marsh, C., (1998). *Teaching Studies of Society and Environment*. Second Edition, Australia: Prentice Hall Australia Pty Ltd
- McPhail, P., Ungood-Thomas, J.R. & Chapman, H. (1972). *Moral Education in the Secondary School*, School Council Publications, USA.

- Nucci, L.P., & Narvaez D. (2008), *Handbook of Moral and Character Education* (2008), pp 352. Routledge, UK
- Ormrod, J.E., (2008). *Educational Psychology, Developing Learners*, 6th edition. Pearson, New Jersey
- Simon, B.S., Howe, W.L. & Kirschenbaum, H. (1978). *New Revised Edition Values Clarification (A Handbook of Practical Strategies for Teachers and Students)*, New York: A&W Publishers, Inc., USA.
- Strommen, E. F., & Lincoln, Bruce, (1992). Constructivism, technology and the future of classroom learning. *Education & Urban Society*. v24, n4, 466-477
- Tan, O.S, R.D. Parsons, S.L Hinson, D. Sardo-Brown (2003). *Educational Psychology, A Practitioner-Researcher Approach, An Asian Edition* (pp.47). Thomson Learning, California .
- T. Lickona (1991). *Educating for Character, How schools can teach respect and responsibility*, (pp 266). Bantam Books, New York.
- Vessels, G., (1998), *Character and Community Development* (pp.31), Praeger, London
- Wiggins, G., & McTighe J. (2005). *Understanding by Design*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Wiliam, D., (1988). *Inside the Black Box: Raising Standards Through Classroom Assessment*, King's College London School of Education, London.
- Wiliam, D., (2009). *Assessment for Learning: why, what and how? An inaugural professional lecture*, Institute of Education, University of London, London.
- Woolfolk A., (1980). *Educational Psychology*. Tenth Edition. Chapter 2: Cognitive Development and language pg 41 and 73 Person Education Inc., Boston.

Penghargaan

Bahagian Kurikulum Perkembangan Pelajar, Kementerian Pendidikan, ingin merakamkan penghargaan kepada para guru, Ketua Jabatan, pensyarah, kumpulan-kumpulan dan institusi-institusi yang telah mengambil bahagian dalam proses pembentukan dan pembaikan sukatan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan. Ribuan terima kasih kepada sekolah-sekolah berikut:

Sekolah Rendah

Sekolah Anglo-Chinese Junior
 Sekolah Rendah Anglo-Chinese
 Sekolah Rendah Belestier Hill
 Sekolah Rendah Bukit Panjang
 Sekolah Rendah Casuarina
 CHIJ Our Lady Queen of Peace
 Sekolah Rendah CHIJ Toa Payoh
 Sekolah Rendah Chongfu
 Sekolah Rendah Compassvale
 Sekolah Rendah Concord
 Sekolah Rendah Corporation
 Sekolah De La Salle
 Sekolah Rendah Elias Park
 Sekolah Rendah Endeavour
 Sekolah Rendah Geylang Methodist
 Sekolah Rendah Greenridge
 Sekolah Rendah Griffiths
 Sekolah Perempuan Haig
 Sekolah Hong Wen
 Sekolah Rendah Innova
 Sekolah Rendah Juying
 Sekolah Rendah Lakeside
 Sekolah Rendah Lianhua

Sekolah Rendah Kranji
 Sekolah Rendah MacPherson
 Sekolah Maha Bodhi
 Sekolah Rendah Mayflower
 Sekolah Rendah Meridian
 Sekolah Monfort Junior
 Sekolah Rendah Nanyang
 Sekolah Rendah New Town
 Sekolah Rendah Radin Mas
 Sekolah Rendah River Valley
 Sekolah Rendah Opera Estate
 Sekolah Rendah Qihua
 Sekolah Rendah Pasir Ris
 Sekolah Rendah St Anthony's
 Sekolah St Stephen
 Sekolah Rendah Princess Elizabeth
 Sekolah Poi Ching
 Sekolah Rendah Rulang
 Sekolah Rendah Telok Kurau
 Sekolah Rendah Teck Whye
 Sekolah Rendah Temasek
 Sekolah Rendah Yew Tee
 Sekolah Rendah Zhonghua

Sekolah Menengah

Sekolah Menengah Ang Mo Kio
 Sekolah Assumption English
 Sekolah Menengah Broadrick
 Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang Government
 Sekolah Menengah Bedok South
 Sekolah Menengah Bedok View
 Sekolah Menengah Bowen Secondary School
 Sekolah Menengah Chua Chu Kang Secondary School
 Sekolah Menengah Commonwealth Secondary School
 Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama)
 Sekolah Tinggi Chung Cheng (Yishun)
 Sekolah Menengah Dunman
 Sekolah Menengah East View
 Sekolah Menengah Evergreen
 Sekolah Menengah Fajar
 Sekolah Menengah Fuchun
 Sekolah Menengah Jurong
 Sekolah Menengah Juying
 Sekolah Menengah Junyuan
 Sekolah Menengah Kuo Chuan Presbyterian
 Sekolah Menengah Montfort
 Sekolah Menengah MacPherson
 Sekolah Menengah Northland

Sekolah Menengah Pei Hwa
 Sekolah Menengah Pioneer
 Sekolah Tinggi Presbyterian
 Sekolah Menengah Punggol
 Sekolah Menengah Queentown
 Sekolah Menengah Serangoon Garden
 Sekolah Menengah Shuqun
 Sekolah Menengah St. Andrew's
 Sekolah Menengah St Gabriel's
 Sekolah Menengah Swiss Cottage
 Sekolah Menengah Springfield
 Sekolah Menengah Tanjong Katong
 Sekolah Perempuan Tanjong Katong
 Sekolah Menengah Unity
 Sekolah Menengah Woodlands Ring
 Sekolah Menengah Yishun Town
 Sekolah Menengah Yuan Ching
 Sekolah Menengah Yusoff Ishak
 Sekolah Menengah Zhenghua

Maktab Rendah

Maktab Rendah Anglo Chinese
 Maktab Rendah Tampines

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberikan bantuan dalam pembentukan sukatan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan.



Ministry of Education
SINGAPORE